

# Shahrizat maklum cuti sanggup kena siasat

DARI MUKA

"Aset syarikat NFC sudah dibekukan dan saya sudah serah kepada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertanian untuk mengkaji apakah penyelesaiannya," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPPK) 2011 dan pelancaran Dasar Agromakanan Negara di Padang Bandaran di sini, semalam.

Beliau juga berkata, pada masa sama siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan polis tetap dilakukan.

Perdana Menteri juga berkata, keputusan Shahrizat bercuti daripada menjalankan tugasnya sebagai menteri juga tepat.

"Saya berbincang dengan Datuk Seri Shahrizat (mengenai) keputusan untuk dia ambil cuti dan keputusan itu tepat untuk membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan rapi," katanya sambil menambah Shahrizat memaklumkan beliau sanggup disiasat sepenuhnya dan apa yang akan berlaku kemudian tertakluk pada hasil siasatan.

Najib juga berkata, siasatan dilakukan seawal sejak National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC)

diberikan pinjaman mudah RM250 juta bagi melaksanakan projek itu dan sama ada Shahrizat sebagai menteri turut terbabit dalam proses pemberian kontrak berkenaan.

Khamis lalu, Shahrizat yang juga Ketua Wanita UMNO mengesahkan beliau bercuti daripada menjalankan tugas sebagai menteri selama tiga minggu. Dalam tempoh itu beliau berharap SPRM menjalankan siasatan sama ada dirinya terbabit atau tidak dalam sebarang keputusan kerajaan mengenai NFC di mana suaminya, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail memegang jawatan sebagai pengurus Eksekutif National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC) yang menguruskan projek itu.

Pembangkang sebelum ini mendakwa wujud penyelewengan dana kerajaan membabitkan pinjaman mudah bernilai RM250 juta. Sebelum itu, isu berkaitan pusat itu disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010 selepas ia berdepan masalah apabila sasaran pengeluaran dikurangkan daripada 60,000 lembu kepada 8,000 lembu.

Sementara itu, di KUALA LUMPUR, Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Mustafar Ali, berkata siasatan turut meneliti sama ada Shahrizat terbabit dalam isu berkenaan.